## Jangan tangguh UPSR, PMR, SPM, STPM

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Kerajaan tidak perlu menangguhkan empat peperiksaan awam dengan mengambil kira situasi wabak selesema babi atau influenza A (H1N1) pada masa kini.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Lok Yim Pheng berkata, masih ada lebih sebulan bagi pelajar tahun enam menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Jumlah pelajar yang dijangkiti wabak itu tidak terlalu banyak. Jika ada pelajar disyaki menghidapi penyakit itu, boleh diasingkan atau dikuarantin ketika peperiksaan itu dijalankan.

"Malaysia masih berada dalam keadaan terkawal. Keputusan menangguhkan empat peperiksaan awam hanya menyusahkan warga pendidik," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom menyatakan keputusan menangguhkan empat peperiksaan awam akan menjadi pilihan terakhir sekiranya wabak H1N1 merebak ke seluruh negara.

Kata Alimuddin, beliau akan membawa perkara itu dalam mesyuarat H1N1 peringkat kebangsaan yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Selasa ini.

Berdasarkan takwim Kementerian Pelajaran, UPSR diadakan pada 8 hingga 10 September ini manakala Penilaian Menengah Rendah (PMR) dari 7 hingga 9 Oktober dan 12 hingga 13 Oktober ini.

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berlangsung pada 20 hingga 22 Oktober dan 26 hingga 27 Oktober serta ujian bertulis (19 November-16 Disember) manakala Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada 19 hingga 21 Oktober.

Majlis Peperiksaan Malaysia juga menetapkan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada 18 November hingga 10 Disember ini.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Mohammad Sabri Mohammad Arshad berkata, tindakan menangguhkan peperiksaan bukan satu langkah yang wajar.

"Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan harus mencari pendekatan memberi kesedaran kepada orang ramai khususnya pelajar sekolah mengenai wabak tersebut.

"Setahu saya, sehingga kini tidak ada apa-apa ceramah atau taklimat yang diadakan untuk pelajar-pelajar sekolah berhubung wabak tersebut," jelasnya.

Katanya, kerajaan juga harus memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang akan menduduki keempat-empat peperiksaan tersebut sebelum mengambil sebarang keputusan.